



( 69 )dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

15 Oktober 2010

Semua Pengarah Bahagian,  
Semua Pengarah JPS Negeri,  
Semua Jurutera Projek

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**Perkara: Pemakluman Surat Arahan Perbendaharaan – Memperluaskan Pemakaian SAP bertarikh 15 April 2010 Mengenai Pindaan Skala Gaji Perunding di Lampiran H dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan satu Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) rujukan S/K.KEW/PK/P/1100/000000/165/23 Jld 6 SK 2 (10) bertarikh 23 September 2010 mengenai **Memperluaskan Pemakaian SAP Bertarikh 15 April 2010 Mengenai Pindaan Skala Gaji Perunding di Lampiran H dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006** seperti yang dilampirkan bersama surat ini.

3. Perhatian Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah ditarik kepada perenggan 3 dalam SAP tersebut di mana penguatkuasaan skala gaji terbaru **diperluaskan** kepada pelantikan perunding yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus sebelum 15 April 2010 **tertakluk** kepada syarat-syarat di perenggan 4 SAP terbaru ini.

4. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan untuk mematuhi SAP tersebut amatlah diharapkan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“CINTAILAH SUNGAI KITA”

(Sr RATNA BINTI MAHYUDDIN)  
Pengarah Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak,  
b/p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia,  
Kuala Lumpur.

15 Oktober 2010

- s.k. - Ketua Pengarah JPS Malaysia  
- Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) JPS Malaysia  
- Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia  
- Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia  
- Juruukur Bahan BUBPK

d:/rba/suratedaran/luasSAPLampiran H



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
(*Ministry of Finance Malaysia*)  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,  
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000  
Cable : TREASURY, KL  
Telex : FEDTRY MA 32369  
Fax : 03-8882 4352  
:  
Web : <http://www.treasury.gov.my>

S/K/KEW/PK/P/1100/  
000000/165/23 JLD.6 SK2 (10)

23 September 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan

Y. Bhg. Dato' Sri / Dato' / Tuan/ Puan,

**SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN (SAP)  
MEMPERLUASKAN PEMAKAIAN SAP BERTARIKH 15 APRIL 2010 MENGENAI  
PINDAAN SKALA GAJI PERUNDING DI LAMPIRAN H DALAM MANUAL  
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING EDISI 2006**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 15 April 2010 adalah berkaitan.

2. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 15 April 2010 telah meluluskan pemakaian skala gaji baru Pemilik Firma/Lembaga Pengarah dan Kakitangan Sementara perunding dan ia berkuat kuasa dan terpakai ke atas pelantikan perunding yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus bermula pada 15 April 2010.
3. Kementerian Kewangan telah menerima rayuan daripada Agensi Kerajaan dan pihak perunding yang telah dilantik sebelum 15 April 2010 yang menggunakan skala gaji lama. Alasan yang diberikan adalah kesukaran untuk mendapat dan mengekalkan kakitangan yang bersesuaian dan berkelayakan bagi penyeliaan tapak bina projek pembangunan fizikal di dalam peringkat pelaksanaan.
4. Sehubungan itu, pemakaian skala gaji baru adalah **diperluaskan** tertakluk kepada syarat berikut:-
  - i) Hanya bagi **kakitangan penyeliaan tapak bina** projek pembangunan fizikal yang masih dalam pelaksanaan sahaja;
  - ii) **Pelarasian gaji** kakitangan penyeliaan tapak berkaitan hendaklah **bermula pada 15 April 2010**; dan
  - iii) Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan kewangan jabatan adalah mencukupi dan kelulusan ini tidak boleh dijadikan sandaran untuk memohon pertambahan peruntukan daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

5. Surat Arahan Perbendaharaan ini berkuat kuasa dengan serta-merta dan hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 15 April 2010.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' FAUZIAH YAACOB)**  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

**Edaran Dalaman :**

Y.Bhg. Tan Sri KSP  
Y.Bhg. Dato' TKSP(P)